



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan
Selangor

BULETIN CITRA KSBSTI

eISSN 2821-3602



9 7 7 2 8 2 1 3 6 0 0 0 7

**KOLEJ KEDIAMAN UITM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS SG.BULOH, SELAYANG & TELUK INTAN**

Bil.2 /2021 -<https://ksb.uitm.edu.my/>

Edisi Julai - Dis
2021



JAWATANKUASA PERWAKILAN
KOLEJ UITM
KAMPUS SUNGAI BULOH & SELAYANG




KOLEJ KEDIAMAN
UITM KAMPUS SUNGAI BULOH
SELAYANG & TELUK INTAN

UiTM *di hatiku*

SIDANG REDAKSI

BULETIN CITRA KSBSTI



Ketua Editor:
Puan Ts RD Aidifitrina Khirotdin
Cik Siti Nur Sabrina Shekh Ahmad

Penyelaras maklumat:
Cik Nur Anasyuha Elias

PENASIHAT

Puan Ts. RD. Aidifitrina Khirotdin
Encik Ahmad Hafifi Zainal Abidin
Puan Suhaili Ajib
Puan Noor Aznie Aziz
Encik Sazwan Shamsuddin
Encik Hilmi Abdullah
Encik Mohd Yazrie Yacob
Puan Sakinah Idris

PENYEDIA LAPORAN:

Hany Suraya Ab Sukor
Nur Anasyuha Elias

KANDUNGAN BULETIN CITRA KSBSTI



**NATIONAL INTER MEDICAL
COLLEGE COLLOQUY 1** MS.04

**PEMILIHAN CALON JPK
INTERIM DAN SEKRETARIAT
KOLEJ SESI 2021/2022** MS.05

**ANUGERAH TOKOH
PENGHUNI KOLEJ
KEDIAMAN (ATPP) 2021** MS.06

**SESI SOAL JAWAB WAKIL
PELAJAR BERSAMA
PENGETUA & WAKIL PTJ
KAMPUS SG.BULOH** MS.08


**POST MORTEM
JPK SESI 2020/2021** MS.09

NATIONAL INTER MEDICAL COLLEGE COLLOQUY I (NIMCC) 2021



4600 tontonan
Program Antarabangsa

Program National Inter Medical College Colloquy I (IMCC I) 2021 merupakan sebuah program interaksi dan pertukaran maklumat antara kolej-kolej kediaman perubatan di Malaysia. IMCC 2021 akan merangkumi wakil UITM Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Sungai Buloh dan Selayang, Kolej Kasturi UNIMAS, Kolej Tun Dr Ismail UKM, dan juga Majlis Penghuni Desasiswa Murni Nurani USM. Pelaksanaan program adalah dengan matlamat utama untuk memulakan satu hubungan persahabatan dan professional antara kolej-kolej kediaman beraliran perubatan di Malaysia. Hal ini adalah penting dalam mewujudkan suatu platform hubungan yang tiada sempadan terutamanya dalam aspek komunikasi dan pelaksanaan sebuah program bersama di masa hadapan.



Matlamat utama program ini adalah untuk melahirkan pelajar berkepimpinan dalam mengendalikan sebuah program yang melibatkan pihak luar, mewujudkan suatu jalinan hubungan antara kolej-kolej kediaman perubatan di Malaysia sekali gus dapat bertukar maklumat terutamanya dalam bidang pengurusan kolej perubatan di tahap perwakilan pelajar. Selain itu, program ini dapat menyediakan platform untuk berbincang dan bertukar maklumat mengenai isu semasa antarabangsa daripada ahli panel yang pakar dan secara tidak langsung dapat mengumpul dana daripada penghuni kolej kediaman untuk disumbangkan kepada saudara di Palestin. Program ini terbahagi kepada dua sesi. Sesi pertama adalah sesi perkongsian maklumat daripada setiap universiti mengenai urus tadbir pengurusan kolej masing-masing. Sesi kedua ialah sesi ceramah di mana terdapat 4 sesi ceramah yang telah berlangsung. Antara penceramah yang terlibat ialah Dr Zainal Adwin, Dr Khairul Hafiz, Dr Jezamine Lim dan En Nadir Al-Nuri.

Seramai lebih 500 peserta yang menonton semua sesi ceramah dan hasilnya, pelajar dapat bertukar maklumat dalam bidang pengurusan kolej perubatan sekaligus dapat mengasah bakat kepimpinan pelajar dalam mengendalikan program yang terdiri daripada beberapa buah universiti iaitu UiTM, UNIMAS, USM dan UKM. Selain itu, hubungan baik di antara kolej-kolej perubatan turut terjalin sekaligus dapat mengharumkan nama UiTM Sungai Buloh & Selayang. Program ini juga turut membincangkan tentang isu-isu berkaitan medikal dan antarabangsa yang telah memberi banyak manfaat kepada para peserta yang menyertai.

Pengarah:
SITI NUR SABRINA SHEKH AHMAD
Penasihat: SRK, Encik Hilmi Abdullah

PEMILIHAN PENCALONAN JPK SESI 2021/2022

WE ARE RECRUITING



**JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ UITM SUNGAI
BULOH & SELAYANG 2021/2022 (INTERIM)**

INTERVIEW: CONDUCTED ONLINE

DATE: NOTIFIED LATER

LAST REGISTRATION DATE:
25/7/2021 (SUNDAY)

1. OPEN TO ALL STUDENTS IN UITM
SUNGAI BULOH & SELAYANG

2. NOT A HIGH COMMITTEE IN
ORGANIZATION OTHER THAN JPK

FILL IN THE FORM 'BORANG PERMOHONAN SEBAGAI JPK!'

SUBMIT THE FORM TO upksb.uitm@gmail.com



ANY INQUIRIES, PLEASE CONTACT
SABRINA (0182178244)




PENCARIAN SEKRETARIAT KOLEJ 2021/2022

- Interview would be held ON 29TH
OCTOBER, 2021
- Interview time & platform would
be inform on whatsapp soon

Apply before:
OCTOBER 27TH, 2021

OPEN TO ALL YEAR
1 STUDENTS



SCAN QR CODE FOR
REGISTRATION FORM

PEMILIHAN DAN PENCALONAN

1. JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ SESI
2021/2022 (INTERIM)
2. SEKRETARIAT KOLEJ SESI 2021/2022

Pemilihan dilaksanakan pada 25 Julai 2021
menerusi permohonan secara maya dan
email kepada:

upksb.uitm@gmail.com dan

<https://drive.google.com/drive/folders/1-7a2294f1D0I6PURjpPyimE2gaSDjbsV>

*A leader is one who knows the
way, goes the way and shows
the way"*

JOHN C. MAXWELL



Anugerah Tokoh Penghuni Kolej Kediaman

KAMPUS SG.BULOH, SELAYANG DAN TELUK INTAN




**ANUGERAH
TOKOH PENGHUNI
KOLEJ KEDIAMAN
UTM SUNGAI BULOH
& SELAYANG 2021**

10 PEMENANG BAKAL MENERIMA
WANG TUNAI BERNILAI RM 100
& SIJIL PENYERTAAN UNTUK SEMUA PESERTA
DAFTAR SEBELUM 1 OGOS 2021



DAFTAR SEKARANG! **SYARAT PENYERTAAN**

SEBARANG PENYERTAAN SILA HUBUNGI
017 3977998 (TENGGU AISYAH)



ATPP 2021

**ANUGERAH TOKOH PENGHUNI
KOLEJ KEDIAMAN TERBAIK**



ATPP 2021



**ANUGERAH TOKOH PERSATUAN &
PENGHUNI KOLEJ KEDIAMAN UTM
SUNGAI BULOH DAN SELAYANG 2021**



YOUTUBE LIVE JPKUSB
SATURDAY OCTOBER 2ND

Anugerah Tokoh Persatuan dan Penghuni Kolej Kediaman di peringkat kampus ini merupakan platform terbaik untuk mengiktiraf dan memberi galakan kepada kepimpinan mahasiswa yang telah menunjukkan kecemerlangan kepimpinan yang holistik dan kompeten selari dengan Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Tambahan pula, anugerah ini juga merupakan penyuntik semangat penghuni kolej kediaman untuk terlibat dalam program yang dianjurkan oleh persatuan sekaligus melahirkan penghuni yang aktif, cakna dan cerdas.

Pengarah:
SITI NUR SABRINA SHEKH AHMAD
Penasihat: SRK, Encik Ahmad Hafifi Zainal Abidin



Matlamat utama program Anugerah Tokoh Persatuan dan Penghuni Kolej Kediaman adalah untuk mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan pemimpin dan persatuan di UiTM Sungai Buloh sekaligus untuk menjadi pendorong buat pemimpin dan persatuan dalam menghasilkan program yang berimpak tinggi selari dengan kategori yang dipertandingkan di Anugerah Tokoh Siswa. Matlamat lain adalah bagi melahirkan penghuni kolej yang proaktif dan cergas dengan menyertai program yang dianjurkan persatuan dan peka dengan hal ehwal kolej. Akhir sekali, matlamat program ini adalah untuk melahirkan mahasiswa yang seimbang bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi dalam aspek kepimpinan, sukan, kebudayaan, kesukarelawan, inovasi, keusahawanan, pengucapan awam dan lain-lain.

Program ini diadakan sepenuhnya secara dalam talian. Terdapat empat kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori A (Anugerah pemimpin terbaik), Kategori B (Anugerah kepimpinan program terbaik mengikut kategori), Kategori C (Anugerah penghuni kolej kediaman terbaik) dan Kategori D (Anugerah persatuan terbaik). Syarat-syarat penyertaan telah diwar-warkan kepada semua penghuni kolej. Ganjaran wang tunai, trofi dan sijil turut diberikan kepada para pemenang bagi menghargai mereka.

SESI SOAL JAWAB WAKIL PELAJAR BERSAMA TIMBALAN REKTOR BHEP UCS, PENGETUA KOLEJ DAN WAKIL PTJ KAMPUS SG.BULOH & SELAYANG



Sesi Soal Jawab Wakil Pelajar Bersama Pengetua dan Wakil PTJ

*Tell us all
your
curiosity,
inquiries,
suggestions,
complaint*


Join our **HYBRID
SESSION**

At **AUDITORIUM 1**

**17 NOV, 2021
WEDNESDAY
8.30 - 10 pm**

LAPORAN SESI DIALOG Q & A Pelajar Bersama Pengetua, Timbalan Rektor BHEP UCS, Ketua-ketua Unit Perkhidmatan Kampus

Anjuran SRK, JPK Bersama Kolej Kediaman UITM
Kampus Sg.Buloh, Selayang & Teluk Intan




Sesi dialog ini dikendalikan oleh Pengetua, pasukan SRK Kolej bersama Jawatankuasa Perwakilan Kolej sesi 2020/2021 dan sesi 2021/2022. Turut serta dalam sesi dialog adalah Ketua-ketua PTJ Pengurusan Kampus Sg.Buloh. Sesi ini sebagai platform wakil pelajar menyuarakan pendapat dan mengemukakan serta membincangkan semua maklumbalas dan aduan pelajar supaya dapat didengar, dibincangkan dan mencari jalan penyelesaian dengan menggunakan saluran yang betul sepanjang pelajar menginap dalam tempoh pandemik covid 19.

KAEDAH HIBRID: DIALOG SECARA FIZIKAL DAN ONLINE
LOKASI FIZIKAL DI AUDITORIUM, BANGUNAN AKADEMIK FAKULTI PERUBATAN
TARIKH/MASA: 17/11/2021 (8.30 PM – 11.45PM)

Laporan: Cik Nur Anasyuha Elias
Penasihat: Semua SRK terlibat bersama Pengetua


Post Mortem

JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ SESI 2020/2021 14 DISEMBER 2021




Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) sesi 2020/2021 membentangkan semua laporan aktiviti pelajar bersama cadangan penambahbaikan program untuk masa akan datang.

Penghargaan diberikan kepada mereka kerana berjaya melaksanakan sebanyak 19 program pelajar yang meliputi pelbagai kategori dan mendapat sambutan daripada semua pelajar.



LAPORAN: CIK NUR ANASYUHA ELIAS

MEMORI KSBSTI 2021



**UNIT PENGURUSAN KOLEJ - STAF RESIDENTIAL KOLEJ
- JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ 2020/2021**

eISSN 2821-3602



9 772821 360007



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan
Selangor

**KOLEJ KEDIAMAN UITM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS SG.BULOH, SELAYANG & TELUK INTAN**